

06/09/2003

Rajiee ungkap cinta ketuhanan

Imlan Adabi

DR RAJIEE Hadi, (gambar) pemenang Sayembara Penulisan Puisi dan Cerpen Maktab Perguruan Bahasa (1977), Sayembara Penulisan Kreatif UPM (1984), Sayembara Penulisan Puisi Sejarah Nasional (1992) dan Puisi Hari Guru Wilayah Persekutuan (1994).

Ketua Unit Pembangunan Profesionalisme, Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Profesionalisme, Maktab Perguruan Islam, mengungkap nikmat cinta kepada Allah swt dan sesama insan lewat puisi. Ikuti wawancara IMLAN ADABI bersama pengarang ini.

DR RAJIEE baru selesai menghasilkan antologi puisi Cinta Arafah. Kenapa judulnya sedemikian?

Cinta Arafah mengandungi 95 sajak yang dihasilkan sejak dekad 70-an hingga 2003. Keseluruhan sajak dipilih berdasarkan tema cinta. Cinta kepada Tuhan, alam, manusia dan kehidupan. Puncak segala cinta adalah cinta kepada Allah yang membentuk kehidupan insani.

Dr Rajiee sentiasa aktif menulis, tiada zaman menurun sejak dekad 70-an. Apakah faktor rangsangan?

Saya sentiasa menulis dan menulis. Untungnya saya tidak terbabat dalam sesuatu genre saja. Saya menulis puisi, rencana ilmiah dan umum serta cerpen. Apabila kita mempelbagaikan hasil penulisan, kita tidak akan menemui zaman pasang surut. Idea sentiasa ada dan ruang sentiasa terbuka. Sebagai penulis kita akan sentiasa segar menghasilkan karya.

Kenapa ramai penulis sezaman dengan Dr Rajiee menghilangkan diri? Apakah kerana tiada usaha berterusan atau faktor kehidupan yang mengikat?

Saya perasan ramai yang muncul bersama saya 30 tahun lalu dan kini menghilang. Dulu ada Lokman Abdullah, Moechtar Awang dan ramai lagi. Nama mereka sudah menghilang dengan alasan masing-masing dan tersendiri. Tentunya persoalan hidup dan kehidupan mengikat mereka.

Apakah kebanyakan penulis kita tidak berdaya tahan atau tidak mempunyai stamina yang panjang?

Sebagai penulis, kita perlu ada motivasi, perlu ada faktor dorongan daripada luar dan dalam diri. Penulis tanpa motivasi akan segera hilang apabila kehidupannya tidak membabitkan hal kesenian. Faktor dorongan sering dikaitkan dengan latar belakang, kehidupan dan ruang. Penulis yang komited lazimnya lahir daripada kemiskinan jiwa untuk menulis.

Barangkali penulis muda hari ini kurang kekuatan untuk bertahan lama kerana ramai yang lahir tergesa-gesa dan akibatnya segera hilang?

Segala-galanya kerana komitmen. Menulis bukan kerana glamor atau keseronokan sementara tetapi lebih kepada kesedaran mengungkapkan tema dan persoalan. Penulis sejati mesti tahu matlamat penulisan. Penulis tidak perlu menjadikan bidang sastera sebagai usaha sementara tetapi mengungkapkan kesedaran sosial, agama dan puncak cintanya. Karya cinta terbaik tentunya membabitkan insani dan Allah yang Maha Pencipta. Seniman kerdil di sisi Allah kerana Allah yang lebih mencipta. Penulis sekadar mencipta karya hasil daripada nikmat Allah.

Nama Dr Rajiee tidak disebut sebagai penulis semata-mata tetapi juga akademik?

Sebagai tenaga pengajar saya menumpukan kepada kerjaya kerana itu bidang saya. Ia tidak membataskan kerja kreatif. Saya sudah melahirkan kumpulan cerpen Tirai Malam. Saya juga aktif dengan kesatuan guru. Kesibukan tugas sebenarnya mengilhamkan, bukan memundurkan usaha berkarya. Walaupun saya bertugas di Maktab Perguruan Islam, bukan pusat kegiatan sastera seperti

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), saya berjuang sendiri untuk menulis. Alangkah baiknya jika tenaga pengajar sekali gus menjadi pencinta seni kreatif. Justeru, saya terus menulis dan pada masa sama mengajar. Jangan sekali-kali menjadikan alasan jika hanya bertugas di DBP baru boleh berkarya. Kita sendiri yang harus mencorakkan bidang sastera sesuai dengan kehendak semasa dan cita rasa peribadi.

Hari ini ramai penulis yang terlalu mendadak naik dan terlalu tergesa menghilang. Apa komen Dr Rajiee?

Ini satu fenomena yang luar biasa, lucu dan aneh. Penulis yang lahir dengan cepat akan turun dengan lekas. Bukan satu dua, tetapi ramai. Penulis harus membina karya dan membina namanya. Saya kagum dengan T Alias Taib. Walaupun hanya genre puisi, dia terus bertahan hingga kini, sentiasa segar dengan karya baru.

Khabarnya Dr Rajiee juga menulis novel?

Novel saya Menjaring Suria dalam proses di samping sebuah lagi kumpulan puisi bakal diterbitkan. Saya berselang-seli menulis. Tidak menumpukan kepada sesuatu genre pada satu masa.

Dr Rajiee pernah menulis sajak kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Apakah judul puisi itu dan apa motifnya?

Puisi Persoalan saya hasilkan pada 1992 di Universiti Putra Malaysia, Serdang. Puisi ini sebenarnya secara sinis saya kaitkan dengan mitos bangsa Melayu khususnya cerita jenaka mengenai Pak Kaduk, Lebai Malang, Luncai dan Mat Jenin. Dr Mahathir adalah pemimpin besar berpandangan jauh, pintar dan ada wawasan.

Dr Rajiee juga menulis puisi kepada Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat?

Puisi Tanpa Sebarang Pengertian secara sinis menilai Kelantan khususnya Pantai Dasar Sabak sebagai wilayah terawal jatuh ke tangan Jepun. Hari ini Kelantan masih begitu-begitu. Apakah kita tidak belajar daripada sejarah. Perselisihan bangsa Melayu perlu diredakan. Kekuatan bangsa perlu disemarakkan agar Melayu menjadi bangsa bermaruah.